



Jawapan

Pelajaran 22

1. Sayidina Bilal r.a.:

- (a) Bilal bin Rabah
- (b) Abu Abdullah
- (c) Tahun 20 Hijrah pada usia 63 tahun

Sayidina Muaz r.a.:

- (a) Muaz bin Jabal bin Amr
- (b) Abu Abdul Rahman
- (c) Tahun 18 Hijrah

Sayidina Abdul Rahman r.a.:

- (a) Abdul Rahman bin Auf bin Abdul Auf bin Al-Haris
- (b) Abu Muhammad
- (c) Tahun 32 Hijrah pada usia 72 tahun

Sayidina Khalid r.a.:

- (a) Khalid bin Al-Walid bin Al- Mughirah
- (b) Abu Sulaiman
- (c) Tahun 21 Hijrah

- 2.** (a) Muazzin pertama pada zaman Rasulullah SAW
(b) Antara sahabat yang paling alim dalam ilmu halal dan haram serta al-Quran
(c) Hartawan yang bersikap zuhud dan tawaduk
(d) Banyak menyertai peperangan pada zaman Rasulullah SAW

3. Bilal bin Rabah:

- (a) Kita hendaklah menjauhi diri daripada fahaman yang sesat, menyeleweng dan melampau.
- (b) Kita hendaklah memainkan peranan aktif dalam aktiviti keagamaan agar ajaran Islam yang sebenar dapat ditegakkan.

Muaz bin Jabal:

- (a) Kita hendaklah menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh agar menjadi orang yang alim dalam bidang yang dipelajari.

- (b) Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari agar menjadi umat yang cemerlang.

Abdul Rahman bin Auf:

- (a) Kita hendaklah berniaga dengan jujur dan amanah agar rezeki diberkati Allah SWT.
- (b) Kita hendaklah mengeluarkan zakat, sedekah, infak dan wakaf untuk merangsang perkembangan ekonomi Islam.

Khalid bin Al-Walid:

- (a) Kita hendaklah bersedia berkorban mempertahankan agama Islam.
- (b) Kita hendaklah menyusun strategi dengan baik agar memperoleh kejayaan.

4. Aktiviti murid

Praktis Masteri 22

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|-------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. D | 5. D |
| 6. C | 7. D | 8. A | 9. A | 10. A |

Bahagian E

- 1.** (a) (i) Bilal bin Rabah
(ii) Abu Abdullah
(iii) Habsyah
(b) (i) ✓
(ii) ✓
(iii) ✗
(c) (i) Menegakkan syiar Islam
(ii) Amar makruf dan nahi mungkar
(iii) Menguruskan pentadbiran Mekah
(iv) Memaafkan kesalahan penduduk Mekah



1. Saya dapat mengambil iktibar melalui perjanjian tersebut dengan mengamalkan sikap toleransi dalam kehidupan seperti menghormati pendapat dan fikiran orang lain ketika dalam perbincangan. Melalui sikap ini akan menyebabkan kehidupan menjadi tenang dan tenteram. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan sikap toleransi supaya perpaduan umat Islam menjadi kukuh.
2. Saya akan sentiasa belajar dengan bersungguh-sungguh dalam pembelajaran supaya dapat meningkatkan imej diri sekali gus imej umat Islam. Hal ini kerana menuntut ilmu juga telah dianggap sebagai berjihad dalam Islam. Oleh itu, kita hendaklah tekun dalam pembelajaran agar diri dan umat Islam dipandang tinggi oleh orang lain.
3. Murid-murid perlulah dididik untuk meningkatkan disiplin diri dengan mematuhi peraturan dan arahan pengetua serta guru-guru. Setiap apa yang dilakukan oleh guru juga perlulah teliti dan teratur seperti ketika menjalankan program sekolah sebagaimana teraturnya rancangan Rasulullah SAW membuka kota Mekah. Oleh itu, semua pihak bertanggungjawab dalam usaha membentuk disiplin murid.
4. Saya akan memberikan bantuan sama ada dalam bentuk harta atau tenaga kepada orang yang memerlukan supaya dapat mengurangkan kesusahan dan bebannya. Bantuan ini secara tidak langsung juga dapat memberikan kehidupan yang lebih baik kepada mereka yang dalam kesusahan. Oleh itu, kita hendaklah sanggup berkorban demi agama Islam supaya tamadun Islam kembali menyinar.
5. Saya akan sentiasa menuntut ilmu agama dengan bersungguh-sungguh supaya dapat memperbaiki diri dan meningkatkan ilmu sendiri. Dengan adanya ilmu yang lebih ini akan membolehkan saya untuk berjihad dalam berdakwah kepada masyarakat dan dapat meneruskan kehidupan dengan menepati kehendak syariat. Oleh itu, kita hendaklah tekun dalam pembelajaran agar diredai Allah SWT.
6. Guru-guru perlu menjadikan tokoh-tokoh Islam sebagai contoh tauladan kepada murid-murid dalam setiap aspek kehidupan dengan sentiasa menceritakan kisah-kisah para sahabat kepada mereka. Kesannya, murid akan terpengaruh dengan sifat peribadi mulia para tokoh dan cuba mencontohi mereka. Kesimpulannya, sifat peribadi mulia tokoh-tokoh Islam perlu dicontohi agar mendapat keberkatan hidup daripada Allah.